



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

VERSI ATAS TALIAN TEKS CETAKAN  
SEMULA YANG KEMAS KINI

---

**Akta 308**

## **AKTA TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK 1984**

*Sebagaimana pada 1 Disember 2011*

**AKTA TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK 1984**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	...	4 September 1984
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	...	6 September 1984
Kali terakhir dipinda melalui Akta A1285 yang mula berkuat kuasa pada	...	...	...	1 Ogos 2008

*CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

*Cetakan Semula Yang Pertama* ... .. 2006

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 308

### AKTA TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK 1984

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

##### BAHAGIAN I

##### PERMULAAN

##### Seksyen

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Pengecualian

##### BAHAGIAN II

##### PENDAFTARAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK

4. Semua taman asuhan kanak-kanak hendaklah didaftarkan
5. Kategori taman asuhan kanak-kanak
6. Larangan ke atas taman asuhan kanak-kanak yang tidak berdaftar
7. Pendaftaran
8. Terma dan syarat yang hendak dikenakan
9. Daftar yang hendak disimpan
10. Pemeriksaan daftar yang disimpan
11. Perakuan pendaftaran
- 11A. Tafsiran

## BAHAGIAN III

## PEMBATALAN PENDAFTARAN

Seksyen

12. Pembatalan pendaftaran

## BAHAGIAN IV

## PELANTIKAN PEGAWAI DIBERI KUASA

13. Pelantikan pegawai
14. Kuasa Ketua Pengarah dan pegawai diberi kuasa

## BAHAGIAN V

## ARAHAN

15. Ketua Pengarah hendaklah memberi arahan bertulis
16. Perintah untuk menutup sementara taman asuhan kanak-kanak

## BAHAGIAN VI

## PERBAGAI

17. Kesalahan dan penalti
- 17A. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan, dsb.
18. Anggapan
19. Taman asuhan kanak-kanak yang ada
20. Kuasa untuk masuk dan memeriksa premis
- 20A. Kuasa untuk mengelak
21. Permulaan Pendakwaan
- 21A. Pengkompaunan kesalahan
22. Rayuan
23. Peraturan-peraturan
24. Peruntukan untuk membenarkan penerimaan masuk kanak-kanak di atas umur empat tahun

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 308

#### AKTA TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan taman asuhan kanak-kanak dan bagi maksud yang berkaitan dengannya.

[*Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur* —1 Mac 1985,  
*P.U. (B) 101/1985;*  
*Selangor* —1 Mac 1985,  
*P.U. (B) 101/1985;*  
*Negeri Lain* —1 Februari 1986,  
*P.U. (B) 55/1985]*

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Undangan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuat kuasanya bahagian atau peruntukan yang berlainan dan bagi bahagian yang berlainan dalam Malaysia.

**Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“daftar” ertinya apa-apa daftar yang dikehendaki disimpan di bawah peruntukan Akta ini;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat;

“pegawai diberi kuasa” ertinya seseorang pegawai yang dilantik di bawah seksyen 13;

“Pengarah Negeri” ertinya Pengarah Kebajikan Masyarakat suatu Negeri dan termasuklah masing-masingnya Pengarah Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya;

“saudara” ertinya datuk atau nenek, abang atau adik laki-laki, kakak atau adik perempuan, bapa saudara atau emak saudara yang ada pertalian darah;

“taman asuhan kanak-kanak” ertinya mana-mana premis yang empat orang atau lebih kanak-kanak di bawah umur empat tahun dari lebih daripada satu isi rumah diterima masuk untuk dijaga dengan upah;

“taman asuhan kanak-kanak berdaftar” ertinya suatu taman asuhan kanak-kanak yang didaftarkan di bawah seksyen 7.

**Pengecualian**

3. (1) Akta ini tidak terpakai kepada—

- (a) mana-mana hospital kerajaan atau hospital persendirian yang dilesen di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586];

- (b) mana-mana institusi yang dikecualikan daripada peruntukan Akta ini oleh Ketua Pengarah;
- (c) mana-mana tadika atau sekolah asuhan yang didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*]; dan
- (d) mana-mana taman asuhan kanak-kanak atau mana-mana rumah kanak-kanak yang ditubuhkan atau dikelolakan oleh Kerajaan Persekutuan atau suatu Kerajaan Negeri.

(2) Akta ini tidak terpakai kepada penerimaan masuk seseorang kanak-kanak oleh seseorang saudara.

## BAHAGIAN II

### PENDAFTARAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK

#### **Semua taman asuhan kanak-kanak hendaklah didaftarkan**

**4.** Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, tiap-tiap taman asuhan kanak-kanak hendaklah didaftarkan di bawah Akta ini.

#### **Kategori taman asuhan kanak-kanak**

**5.** Empat kategori taman asuhan kanak-kanak hendaklah diadakan seperti yang berikut:

- (a) taman asuhan kanak-kanak di rumah iaitu suatu taman asuhan kanak-kanak yang menerima masuk kurang daripada sepuluh orang kanak-kanak dalam rumah orang yang didaftarkan di bawah seksyen 7;
- (b) taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja iaitu suatu taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja yang menerima masuk sepuluh orang atau lebih kanak-kanak;

- (c) taman asuhan kanak-kanak komuniti iaitu suatu taman asuhan kanak-kanak yang menerima masuk sepuluh orang atau lebih kanak-kanak di suatu kawasan tertentu dan yang menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan atau suatu Kerajaan Negeri; dan
- (d) taman asuhan kanak-kanak di institusi iaitu suatu taman asuhan kanak-kanak selain taman asuhan kanak-kanak di bawah perenggan (a), (b) dan (c) yang menerima masuk sepuluh orang atau lebih kanak-kanak.

### **Larangan ke atas taman asuhan kanak-kanak yang tidak berdaftar**

6. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan atau mengambil bahagian dalam pengurusan suatu taman asuhan kanak-kanak yang tidak didaftarkan di bawah peruntukan Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) bersalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kali kedua atau berikutnya denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

### **Pendaftaran**

7. (1) Permohonan bagi pendaftaran berhubung dengan suatu taman asuhan kanak-kanak hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan.

(2) Ketua Pengarah boleh menurut budi bicaranya yang mutlak mendaftarkan atau enggan mendaftarkan pemohon berhubung dengan taman asuhan kanak-kanak yang tersebut dalam permohonan itu.

(3) Ketua Pengarah boleh menurut budi bicaranya yang mutlak mendaftarkan atau enggan mendaftarkan mana-mana taman asuhan kanak-kanak.

### **Terma dan syarat yang hendak dikenakan**

**8.** Ketua Pengarah boleh mendaftarkan mana-mana taman asuhan kanak-kanak tertakluk kepada yang berikut:

- (a) dengan menghadkan bilangan kanak-kanak yang diterima masuk dalam mana-mana taman asuhan kanak-kanak pada satu-satu masa;
- (b) dengan menjamin bahawa pemohon atau mana-mana orang lain yang diambil bekerja di taman asuhan kanak-kanak seorang yang layak dan sesuai, sama ada disebabkan oleh umur atau selainnya, untuk menjalankan, mengambil bahagian dalam pengurusan atau diambil bekerja di taman asuhan kanak-kanak itu;
- (c) dengan menjamin bahawa taman asuhan kanak-kanak itu hendaklah mengadakan kakitangan yang cukup, baik dari segi bilangan mahu pun kelayakan atau pengalaman orang yang diambil bekerja atau mengambil bahagian dalam penjalanannya;
- (d) dengan menjamin bahawa taman asuhan kanak-kanak itu hendaklah dilengkapi dan disenggara dengan secukup dan sesuainya;
- (e) dengan menjamin bahawa, jika mana-mana kanak-kanak diterima masuk di mana-mana taman asuhan kanak-kanak dan tinggal di sana selama suatu jangka masa terus-menerus yang melebihi empat jam dalam satu-satu hari, hendaklah ada peraturan yang cukup dan sesuai bagi makanan, rehat dan hiburan bagi kanak-kanak itu dan diet yang cukup serta seimbang hendaklah diadakan;

- (f) dengan mematuhi apa-apa kehendak yang berkaitan dengan struktur, pencegahan api, kesihatan, kebersihan dan keselamatan;
- (g) apa-apa syarat lain yang difikirkan patut dan sesuai oleh Ketua Pengarah.

### **Daftar yang hendak disimpan**

**9.** (1) Ketua Pengarah hendaklah mengarahkan supaya disimpan, dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang boleh ditetapkannya, suatu daftar taman asuhan kanak-kanak yang didaftarkan di bawah Akta ini yang mengandungi—

- (a) nama dan alamat tiap-tiap orang yang didaftarkan berhubungan dengan mana-mana taman asuhan kanak-kanak;
- (b) nama dan alamat tiap-tiap taman asuhan kanak-kanak berdaftar; dan
- (c) apa-apa butir lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

(2) Satu salinan catatan dalam daftar yang berupa diperakui dengan tandatangan Ketua Pengarah hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, diterima dalam keterangan sebagai bukti fakta yang dinyatakan dalamnya pada tarikh salinan diperakui itu.

### **Pemeriksaan daftar yang disimpan**

**10.** Mana-mana orang boleh, dengan permohonan secara bertulis kepada Ketua Pengarah dan dengan membayar fi yang ditetapkan, memeriksa daftar yang disimpan di bawah seksyen 9 dalam masa pejabat.

### **Perakuan pendaftaran**

**11.** (1) Jika mana-mana taman asuhan kanak-kanak didaftarkan, Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan selepas suatu fi yang ditetapkan dibayar suatu perakuan pendaftaran dalam borang yang ditetapkan berkenaan mana-mana taman asuhan kanak-kanak itu, dan perakuan itu hendaklah menyatakan alamat taman asuhan kanak-kanak yang dimaksudkan dengan pendaftaran itu dan juga apa-apa syarat yang dikenakan di bawah peruntukan Akta ini.

(2) Suatu perakuan pendaftaran hendaklah dikeluarkan kepada, dan atas nama orang yang membuat permohonan baginya, dan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana orang lain.

(3) Tiap-tiap perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah peruntukan seksyen ini sah selama enam puluh bulan kalendar.

(4) Jika berlaku apa-apa perubahan dalam apa-apa hal keadaan yang butir-butirnya dinyatakan dalam suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah peruntukan seksyen ini, orang yang kepadanya perakuan itu telah dikeluarkan hendaklah, dalam tempoh empat belas hari, memberitahu Ketua Pengarah dengan sewajarnya secara bertulis, dan Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pindaan sebagai ganti perakuan asal itu.

(5) Suatu salinan perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen ini hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di dalam premis yang dinyatakan dalam perakuan pendaftaran itu.

(6) Apabila berhenti mengendalikan suatu taman asuhan kanak-kanak, orang yang kepadanya perakuan pendaftaran telah dikeluarkan hendaklah menyerahkan perakuan itu kepada Ketua Pengarah dalam masa satu bulan dari tarikh pemberhentian itu.

### **Tafsiran**

**11A.** Bagi maksud Bahagian ini, Ketua Pengarah termasuklah Pengarah Negeri.

## BAHAGIAN III

## PEMBATALAN PENDAFTARAN

**Pembatalan pendaftaran**

**12.** Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran yang dibuat di bawah seksyen 7—

- (a) di mana terdapat apa-apa pelanggaran atau ketidakpatuhan mana-mana syarat yang dikenakan berhubungan dengan apa-apa pendaftaran yang dibuat di bawah Akta ini;
- (b) jika terdapat apa-apa kegagalan memberitahu apa-apa perubahan hal keadaan mengikut subseksyen 11(4);
- (c) atas sebab bahawa orang yang kepadanya perakuan pendaftaran telah dikeluarkan telah disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau apa-apa kesalahan yang melibatkan keburukan akhlak;
- (e) jika dia dapati bahawa—
  - (i) taman asuhan kanak-kanak itu tidak dijalankan sebagai sedemikian atau tidak wujud lagi; atau
  - (ii) seseorang itu telah berhenti menjalankan taman asuhan kanak-kanak itu.

## BAHAGIAN IV

## PELANTIKAN PEGAWAI DIBERI KUASA

**Pelantikan pegawai**

**13.** Menteri boleh melantik melalui pemberitahuan dalam *Warta* beberapa orang pegawai yang difikirkannya perlu bagi maksud Akta ini.

**Kuasa Ketua Pengarah dan pegawai diberi kuasa**

**14.** Ketua Pengarah dan mana-mana pegawai diberi kuasa boleh dari semasa ke semasa masuk dan memeriksa apa-apa premis yang digunakan bagi maksud taman asuhan kanak-kanak untuk tujuan menjamin bahawa—

- (a) kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak atau pekerjaannya memuaskan;
- (b) daftar, rekod, jadual waktu, menu, buku kira-kira disenggarakan dengan sempurna;
- (c) alat yang cukup dan sesuai diadakan dalamnya;
- (d) struktur, kesihatan dan kebersihan disenggarakan;
- (e) pengawasan yang cukup diambil terhadap bahaya kebakaran atau apa-apa bahaya lain yang mungkin membahayakan nyawa atau kesihatan kanak-kanak yang diasuhnya.

BAHAGIAN V

ARAHAN

**Ketua Pengarah hendaklah memberi arahan bertulis**

**15.** (1) Ketua Pengarah boleh, berhubungan dengan mana-mana taman asuhan kanak-kanak berdaftar, memberikan apa-apa arahan yang difikirkannya perlu secara bertulis untuk menjamin bahawa—

- (a) taman itu dijalankan dan diuruskan dengan memuaskan;
- (b) kebajikan kanak-kanak yang menghadiri taman itu digalakkan dengan cara sempurna;
- (c) radas dan kelengkapan perlu yang cukup sebagai keselamatan dari api diadakan dalamnya; dan

- (d) peruntukan Akta ini dipatuhi.
- (2) Suatu arahan di bawah subseksyen (1) —
  - (a) hendaklah disampaikan kepada orang yang didaftarkan berhubungan dengan taman asuhan kanak-kanak itu; dan
  - (b) hendaklah menetapkan suatu tempoh masa dalam mana arahan itu hendaklah dipatuhi.

### **Perintah untuk menutup sementara taman asuhan kanak-kanak**

- 16.** (1) Ketua Pengarah boleh —
- (a) jika dia dapati bahawa ada bahaya atau risiko bahaya kepada orang dalam mana-mana premis taman asuhan kanak-kanak berdaftar; atau
  - (b) jika, berhubungan dengan mana-mana premis itu sesuatu arahan yang diberi di bawah seksyen 15 tidak dipatuhi dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam notis yang disampaikan di bawahnya,

melalui perintah secara bertulis mengarahkan bahawa premis itu hendaklah berhenti digunakan sebagai taman asuhan kanak-kanak selama tempoh yang difikirkannya patut atau sehingga diberitahu selanjutnya.

(2) Apa-apa perintah di bawah seksyen ini hendaklah disampaikan terhadap orang yang didaftarkan berhubungan dengan taman asuhan kanak-kanak, dan hendaklah berkuat kuasa mulai dari tarikh penyampaian notis itu.

(3) Apa-apa perintah yang disampaikan di bawah seksyen ini hendaklah menjadi penyampaian yang memadai jika—

- (a) ianya dihantar serah sendiri kepada orang yang kepadanya ianya disampaikan;

- (b) ianya dihantar melalui pos berdaftar ke alamat orang itu yang akhir diketahui; atau
- (c) satu salinannya ditampalkan di suatu tempat yang mudah dilihat atau di premis yang dimaksudkannya itu.

## BAHAGIAN VI

### PELBAGAI

#### **Kesalahan dan penalti**

#### **17. Mana-mana orang yang—**

- (a) menjalankan atau mengambil bahagian dalam pengurusan sesuatu taman asuhan kanak-kanak dalam mana-mana premis selain daripada premis yang dinyatakan dalam perakuan pendaftaran taman asuhan kanak-kanak;
- (b) dalam atau berhubung dengan apa-apa permohonan di bawah Akta ini membuat suatu pernyataan atau memberi maklumat, sama ada kenyataan itu kenyataan lisan atau bertulis, yang palsu mengenai apa-apa butir material dan yang dia tahu atau semunasabahnya patut tahu adalah palsu mengenai butir itu;
- (c) menghalang Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa dalam menjalankan apa-apa kuasanya di bawah Akta ini;
- (d) enggan mengemukakan apa-apa buku, dokumen atau barang lain apabila dikehendaki berbuat demikian di bawah seksyen 20, atau, apabila dikehendaki sedemikian, memberi maklumat yang palsu mengenai butir material dan yang dia tahu atau semunasabahnya patut tahu adalah palsu mengenai butir itu;
- (e) menjalankan atau mengambil bahagian dalam pengurusan taman asuhan kanak-kanak yang dijalankan

dengan apa jua nama lain daripada nama ianya didaftarkan;

- (f) gagal mematuhi sesuatu perintah yang disampaikan kepadanya di bawah seksyen 16;
- (g) gagal memberitahu Ketua Pengarah tentang apa-apa perubahan yang berlaku dalam apa-apa hal keadaan yang butir-butirnya dinyatakan dalam perakuan itu mengikut subseksyen 11(4);
- (h) gagal menyebabkan suatu salinan perakuan pendaftaran itu dipamerkan mengikut subseksyen 11(5); atau
- (i) gagal menyerahkan perakuan pendaftaran itu apabila berhenti mengendalikan suatu taman asuhan kanak-kanak mengikut subseksyen 11(6),

bersalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan, dsb.**

**17A.** Jika suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini telah dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan—

- (a) dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang merupakan pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu pada masa kesalahan itu dilakukan;
- (b) dalam hal suatu perkongsian, tiap-tiap pekongsi dalam perkongsian itu pada masa kesalahan itu dilakukan; atau
- (c) dalam hal suatu pertubuhan, tiap-tiap pemegang jawatan pertubuhan itu pada masa kesalahan itu dilakukan,

boleh didakwa secara berasingan atau bersejajir dalam prosiding yang sama sebagaimana pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan itu dan hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau pembiarannya atau bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah atau bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mencegah kesalahan itu dilakukan.

### **Anggapan**

**18.** Dalam apa-apa pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, jika dibuktikan bahawa mana-mana orang melakukan apa-apa perbuatan berhubungan dengan pengelolaan atau penjalanan sesuatu taman asuhan kanak-kanak, hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa orang itu mengambil bahagian dalam pengurusan taman asuhan kanak-kanak itu.

### **Taman asuhan kanak-kanak yang ada**

**19.** Mana-mana orang yang menguruskan atau menyenggarakan sesuatu taman asuhan kanak-kanak pada tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini hendaklah dalam tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa itu memohon kepada Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan supaya dikeluarkan suatu perakuan pendaftaran.

### **Kuasa untuk masuk dan memeriksa premis**

**20.** (1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa mempunyai kuasa untuk memasuki pada bila-bila masa yang munasabah mana-mana premis yang disyaki dengan munasabahnya sebagai digunakan bagi maksud taman asuhan kanak-kanak tanpa pendaftaran atau jika dia ada apa-apa alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa telah berlaku pelanggaran terhadap peruntukan Akta ini dan hendaklah memeriksa premis itu untuk membuat apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu.

(2) Dalam menjalankan pemeriksaan di bawah seksyen ini Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh—

- (a) mengemukakan soalan mengenai pengurusan taman asuhan kanak-kanak kepada, orang yang didaftarkan di bawah Akta ini dan kepada mana-mana orang lain yang menjaga taman asuhan kanak-kanak yang keterangannya ia fikirkan perlu, dan semua orang sedemikian terikat di sisi undang-undang untuk menjawab soalan itu dengan benar sepanjang yang mereka boleh berikan;
- (b) menghendaki orang yang menjaga supaya mengemukakan di hadapannya semua atau apa-apa rekod yang dikehendaki disimpan di bawah Akta ini; dan
- (c) menyita atau mengambil salinan apa-apa rekod yang dikemukakan di hadapannya di bawah perenggan (b).

(3) Mana-mana orang boleh enggan mematuhi apa-apa kehendak atau perintah oleh seorang pegawai diberi kuasa yang bertindak atau berupa bertindak di bawah Akta ini jika pegawai itu enggan apabila diminta mengisytiharkan identitinya atau mengemukakan suatu surat kuasanya, mengikut mana yang berkenaan.

### **Kuasa untuk mengelak**

**20A.** (1) Jika Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana rumah, bangunan, premis atau tempat lain digunakan sebagai suatu taman asuhan kanak-kanak yang tidak didaftarkan di bawah peruntukan Akta ini, Ketua Pengarah atau pegawai diberi kuasa boleh mengambil apa-apa langkah yang difikirkannya perlu atau dengan apa-apa cara mengelak taman asuhan kanak-kanak itu.

(2) Orang yang menggunakan rumah, bangunan, premis atau tempat itu sebagai taman asuhan kanak-kanak yang telah dilak hendaklah—

- (a) dalam masa dua puluh satu hari dari pengelakan itu mengemukakan kepada Ketua Pengarah atau pegawai diberi kuasa itu perakuan pendaftaran taman asuhan kanak-kanak itu; dan
  - (b) menanggung apa-apa kos yang dilakukan berbangkit daripada tindakan itu.
- (3) Lak itu hendaklah ditanggalkan jika—
- (a) orang itu mematuhi kehendak subseksyen (2); atau
  - (b) suatu perintah mahkamah diperoleh terhadap orang itu supaya orang itu berhenti daripada menggunakan rumah, bangunan, premis atau tempat itu sebagai taman asuhan kanak-kanak,

mengikut mana-mana yang terdahulu.

(4) Ketua Pengarah atau pegawai diberi kuasa itu yang bertindak di bawah seksyen ini tidaklah bertanggung bagi apa-apa kos berbangkit daripada tindakan itu atau kerosakan kepada rumah, bangunan, premis atau tempat yang dilak di bawah seksyen ini melainkan jika kerosakan itu dilakukan dengan sengaja.

(5) Apa-apa tindakan yang diambil di bawah seksyen ini berkenaan dengan mana-mana rumah, bangunan, premis atau tempat lain tidak boleh melarang pendakwaan mana-mana orang yang menggunakan rumah, bangunan, premis atau tempat itu sebagai taman asuhan kanak-kanak dengan melanggar Akta ini.

### **Permulaan pendakwaan**

**21.** Tiada pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

**Pengkompaunan kesalahan**

**21A.** (1) Ketua Pengarah boleh, dengan keizinan Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dengan membuat suatu tawaran bertulis, dalam borang yang ditetapkan, kepada orang yang disyaki secara munasabah telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Ketua Pengarah suatu amaun wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya telah dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa sebagaimana yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

**Rayuan**

**22.** Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah di bawah Akta ini hendaklah dalam tempoh tiga puluh hari dari tersiarnya keputusan itu merayu secara bertulis kepada Menteri yang mana keputusannya muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah undang-undang atas apa jua alasan.

### **Peraturan-peraturan**

**23.** (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk menjalankan maksud Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menyentuh keluasan kuasa yang tersebut di atas, peraturan-peraturan itu boleh membuat peruntukan bagi semua atau apa-apa perkara yang berikut—

- (a) perjalanan, pengurusan dan penyeliaan taman asuhan kanak-kanak;
- (b) tugas dan tanggungjawab orang-orang yang didaftarkan berhubungan dengan taman asuhan kanak-kanak;
- (c) kelayakan, pengalaman, perlantikan, tugas, tanggungjawab dan disiplin orang bagi maksud perjalanan, pengurusan dan penyeliaan taman asuhan kanak-kanak;
- (d) penjagaan kesihatan dan pemakanan kanak-kanak yang dijaga di taman asuhan kanak-kanak;
- (e) pendaftaran penjaga kanak-kanak yang diambil bekerja di taman asuhan kanak-kanak;
- (f) penyimpanan dan penyenggaraan apa-apa daftar mengenai kanak-kanak, dalam apa-apa bentuk yang difikirkan patut oleh Menteri;
- (g) penetapan kehendak minimum bagi taman asuhan kanak-kanak untuk digunakan bagi penerimaan masuk kanak-kanak dan peruntukan bagi mengadakan keperluan kebersihan minimum, bekalan air dan perkara lain mengenai kesihatan berhubungan dengan bangunan itu;
- (h) penetapan kelengkapan minimum;
- (i) penetapan borang yang hendak digunakan dan maklumat yang hendak diberikan bagi mana-mana maksud Akta ini;

- (j) pemberian perakuan dan pengeluaran salinan perakuan dalam hal perakuan yang hilang atau musnah;
- (k) fi yang hendak dibayar di bawah Akta ini;
- (l) penetapan apa-apa jua yang dikehendaki ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Akta ini.

**Peruntukan untuk membenarkan penerimaan masuk kanak-kanak di atas umur empat tahun**

24. Walau apa pun yang terkandung dalam Akta ini Ketua Pengarah boleh, apabila permohonan dibuat oleh orang yang didaftarkan berhubungan dengan taman asuhan kanak-kanak, membenarkan taman asuhan kanak-kanak yang tersebut menerima masuk kanak-kanak di atas umur empat tahun, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat selanjutnya yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah.

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 308**

**AKTA TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK 1984**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk Ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A1285	Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak (Pindaan) 2007	01-08-2008

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 308****AKTA TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK 1984**

## SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa Meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A1285	01-08-2008
3	Akta A1285	01-08-2008
5	Akta A1285	01-08-2008
6	Akta A1285	01-08-2008
11	Akta A1285	01-08-2008
11A	Akta A1285	01-08-2008
14	Akta A1285	01-08-2008
17	Akta A1285	01-08-2008
17A	Akta A1285	01-08-2008
20A	Akta A1285	01-08-2008
21	Akta A1285	01-08-2008
21A	Akta A1285	01-08-2008

---